

SINUGEN TABLET

Paracetamol/Pseudoephedrine hydrochloride/Chlorpheniramine maleate (500mg/30mg/2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sinugen
2. Bagaimana Sinugen berfungsi
3. Sebelum menggunakan Sinugen
4. Cara menggunakan Sinugen
5. Semasa menggunakan Sinugen
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sinugen
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Sinugen

Sinugen digunakan untuk melegakan kesesakan hidung dan kesakitan.

Antihistamina membantu melegakan iritasi tanda-tanda alergi seperti bersin, kegatalan dan mata berair.

Bagaimana Sinugen berfungsi

Sinugen adalah ubat yang mengandungi pseudoephedrine hydrochloride, chlorpheniramine maleate dan paracetamol. Paracetamol membantu melegakan sakit dan demam. Pseudoephedrine hydrochloride ialah ubat yang mengurangkan kesesakan hidung. Ia bertindak dengan menyempitkan saluran darah pada saluran hidung.

Chlorpheniramine maleate adalah sejenis antihistamina yang menghalang kesan histamina. Histamina adalah bahan yang dihasilkan oleh badan semasa tindakbalas alergi yang menyebabkan kegatalan dan keradangan.

Sebelum menggunakan Sinugen

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan mengambil Sinugen jika anda:
- alergi terhadap bahan aktif atau bahan-bahan lain dalam produk ini
 - sedang mengambil atau pernah mengambil ubat untuk kemurungan, monoamine oxidase inhibitor (MAOI) dalam 2 minggu yang lalu
 - mempunyai tekanan darah tinggi
 - hipertiroidisma (peningkatan paras hormon tiroid)

- Sebelum mula mengguna

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:
- ada penyakit jantung
 - ada penyakit kencing manis
 - ada glaukoma (peningkatan tekanan di dalam mata)
 - ada kegagalan fungsi hati atau buah pinggang

Keselamatan penggunaan pada wanita mengandung atau menyusukan anak belum

disahkan. Sinugen harus dielakkan, terutamanya pada trimester pertama kehamilan. Sila minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan alkohol, sedatif, ubat untuk tekanan darah tinggi (guanethidine atau methyl dopa), ubat perangsang atau ubat mengurangkan selera dan ubat untuk gangguan emosi.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Sinugen

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun: 1 – 2 tablet setiap 4 – 6 jam (tidak melebihi 8 tablet sehari).

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Tanda-tanda terlebih dos adalah hepatotoksik (kecederaan pada hati yang disebabkan oleh ubat, bahan kimia atau agen-agen lain), hipoglisemia (kandungan gula dalam darah yang rendah), penyakit

kuning, sakit abdomen, muntah, berpeluh dan tekanan darah rendah.

Semasa menggunakan Sinugen

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Sinugen.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda jadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Sinugen dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin menyebabkan rasa mengantuk. Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin yang memerlukan kewaspadaan. Elakkan minuman beralkohol.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Sinugen boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi segera jika mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Aleri seperti ruam kulit jarang berlaku, kesukaran membuang air kencing untuk pesakit lelaki yang mengalami pembesaran prostat. Kesukaran untuk tidur dan mengantuk juga mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my

(Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan Sinugen

- Penyimpanan

Simpan di tempat dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna kuning yang berbentuk bulat dan dwicembung.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: paracetamol, pseudoephedrine hydrochloride dan chlorpheniramine maleate.
- Bahan tidak aktif: cornstarch, quinolone yellow lake, polyvinylpyrrolidone dan magnesium stearate.

- Nombor MAL

MAL05092216A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

22/05 /2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)220515/00116